Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

Perubahan sistem pendidikan perlu diputuskan secara teliti

September 24, 2024 @ 8:41am

Minda Pengarang

'Setiap kali ada menteri baharu, setiap kali itulah sistem pendidikan berubah' menjadi sebahagian persepsi umum dahulu walaupun tidak semestinya benar jika dilihat rekod dan proses penggubalan sistem kurikulum negara. Namun, kita pernah menyaksikan perubahan drastik seperti pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dibuat tergesa-gesa tanpa kajian mendalam sehingga menimbulkan pelbagai masalah, kemudian diubah kepada Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Mengukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) dan Dasar Dwibahasa (DLP). Senario ini wajar dijadikan sempadan supaya kita berhati-hati membuat sebarang keputusan terhadap sistem pendidikan kerana membabitkan masa depan generasi muda dan negara.

Justeru, kita menyifatkan kenyataan Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek sangat tepat apabila menegaskan kementeriannya perlu mendapatkan pandangan semua pihak terhadap saranan dan desakan melaksanakan semula Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) untuk mengelak murid menjadi 'tikus makmal'. Untuk rekod, penilaian murid menggunakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang turut mengandungi Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA), iaitu kaedah penilaian berterusan dijalankan guru sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk menilai perkembangan pelajar secara holistik, meliputi aspek akademik, kokurikulum dan kemahiran insaniah, sekali gus mengurangkan kebergantungan atau tidak lagi berorientasikan peperiksaan.

Kita akui PBD mendapat reaksi berbeza, terutama dalam kalangan ibu bapa yang mungkin tidak terdedah dengan pelaporan diberikan sehingga sukar mengetahui prestasi anak bagi tujuan mengambil tindakan susulan. Bagaimanapun, isu ini sama sekali tidak menafikan keperluan memastikan penilaian murid bersifat holistik yang tidak hanya mengiktiraf pencapaian akademik, bahkan pelbagai aspek atau apa yang diistilahkan 'kemenjadian murid' merujuk kepada pencapaian pembangunan menyeluruh, termasuk aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS).



- Foto hiasan

Malah, konsep kemenjadian murid ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan hampir serupa dengan dokumen Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) 2020, Learning to Become with the World: Education for Future Survival seperti ditegaskan pakar pendidikan. Ketidakbergantungan sistem pendidikan kepada peperiksaan semata-mata juga dapat dilihat di negara seperti Finland yang tidak membebankan murid dengan peperiksaan berterusan, sebaliknya didorong meneroka kemahiran insaniah, kreativiti dan penyelesaian masalah secara kritikal.

Justeru, kita mengesyorkan Kementerian Pendidikan (KPM) menambah baik mekanisme PBD, termasuk dalam konteks profesionalisme dan kemahiran PdP guru serta meningkatkan kefahaman ibu bapa terhadap penilaian dibuat guru mendidik dan memantau anak mereka sepanjang sesi persekolahan. Dalam hal ini, persatuan ibu bapa dan guru (PIBG) boleh berperanan untuk meningkatkan hubungan antara kedua-dua pemegang taruh demi kepentingan pencapaian dan kemenjadian anak mereka, sekali gus memastikan sistem pentaksiran holistik dapat memberikan kesan optimum bukan sahaja kepada rakyat, bahkan negara.